

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT  
[ LUBOK ANTU ]**

**TARIKH : 29 NOVEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT [ LUBOK ANTU ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan pertambahan dana bagi tujuan bantuan rumah PPRT di kawasan Lubok Antu memandangkan masih ramai lagi pemohon yang sememangnya layak menerima bantuan ini namun tidak terpilih.

**JAWAPAN**

Untuk maklumat Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) komited memastikan kesejahteraan masyarakat di luar bandar sentiasa ditingkatkan dan bantuan yang diberikan dinikmati kumpulan sasar yang ditetapkan khususnya di luar bandar Sarawak.

Bagi tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), disasarkan 19,832 unit rumah dibina dan dibaik pulih di Negeri Sarawak. Ini menunjukkan peningkatan lebih 16% berbanding 17,122 bina baharu dan baik pulih yang dilaksanakan sepanjang tempoh RMKe-11 yang lalu. Bagi tahun 2021, sebanyak RM71.7juta telah diperuntukkan untuk Negeri Sarawak dengan RM1.6juta khusus buat Parlimen Lubuk Antu yang melibatkan pembinaan 12 unit rumah baharu dan pembaikan 59 unit rumah berbanding RM1.3 juta diperuntukkan bagi pembinaan 9 unit rumah dan 53 unit baik pulih pada tahun 2020.

Untuk makluman Yang Berhormat, KPLB juga sentiasa menambah baik kaedah penyampaian pelaksanaan PRRT terutamanya dalam mengenal pasti kumpulan sasar yang layak dibantu. Secara umumnya, asas pemilihan penerima adalah melalui bank data sistem eKasih. Walau bagaimanapun, Kementerian masih lagi menerima dan menimbangkan permohonan selain daripada melalui sistem berkenaan iaitu melalui perakuan dan pengesahan daripada Mesyuarat *Focus Group* Pembasmian Kemiskinan Peringkat Daerah (FGD) atau Negeri (FGN) atau jawatankuasa yang setara dengannya di peringkat negeri/daerah. Selain itu, Kementerian turut mengadakan inisiatif "*search and assist*" oleh pegawai-pegawai Kementerian dan Agensi di bawah Kementerian dari masa ke masa. Pemohonan individu juga boleh dibuat secara dalam talian dan akan dipertimbangkan dalam Jawatankuasa yang ada di peringkat Kementerian berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan.

Kaedah permohonan daripada pelbagai sumber ini adalah bagi memastikan bantuan dapat disalurkan kepada penerima yang layak.

Sekian, terima kasih.